

28 DEC 2001

Ali-Air

KENAIKAN KADAR AIR TIDAK BEBANKAN PENGGUNA, KATA MOHAMED ALI

MELAKA, 28 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Mohamed Ali Rustam berkata kenaikan kadar air antara 5 peratus hingga 10 peratus bermula 1 Jan ini bagi pengguna domestik dan industri di negeri ini tidak akan membebankan penduduk.

Beliau berkata kenaikan itu tidak dapat dielakkan kerana Perbadanan Air Melaka (PAM) menanggung hutang bagi membayar balik pinjaman kerajaan Persekutuan bagi pembinaan empangan Jus.

"Elok (kadar air) naik sekarang kerana kenaikan itu diputuskan setelah mendapat maklum balas orang ramai," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek pampasan tanah kampus untuk pembinaan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Durian Tunggal, di sini hari ini.

Semalam, Timbalan Pengerusi PAM Hasnoor Husin mengumumkan kenaikan kadar air antara 5 dan 10 peratus bermula 1 Jan ini.

Mengikut kadar baru, kadar bagi kediaman dinaikkan ke 50 sen daripada 45 sen bagi setiap meter padu air manakala bagi sektor industri ialah RM1.47 daripada RM1.40.

Mohamed Ali yang juga Pengerusi PAM pernah dilaporkan sebagai berkata kerajaan negeri tidak akan menaikkan kadar air sekurang-kurangnya untuk tempoh tiga atau empat tahun sehingga pembinaan empangan Jus dan dua logi air di Gadek dan Lanchang siap.

Ketua Menteri itu berkata PAM dijangka memperolehi hasil tambahan sebanyak RM5 juta sehingga RM6 juta dengan kenaikan pada kadar baru itu.

Pada majlis itu, pampasan sebanyak RM45.5 juta ringgit dibayar oleh kerajaan negeri kepada lebih 200 orang penduduk bagi pengambilan tanah untuk pembinaan kampus tetap KUTKM di tapak seluas 293.4 hektar di mukim Durian Tunggal.

Mohamed Ali berkata upacara pecah tanah bagi fasa pertama pembinaan kampus tetap berharga RM400 juta itu akan dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 26 Jan depan.

Beliau berkata keseluruhan pembangunan kampus tetap itu dianggarkan menelan kos RM1 bilion dan dijangka siap pada 2010. Ia berupaya menampung sebanyak 10,000 pelajar.

-- BERNAMA

NO RHM